

**EMANSIPASI WANITA DALAM SOSIAL MENERUSI NOVEL-NOVEL PILIHAN
1960-AN - 1990-AN**

Nurhasmira Mat Rusok
Roslina Abu Bakar
Arbai'e bin Sujud
Rozita Mohamed Noor
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Kajian ini dilakukan untuk melihat emansipasi wanita dalam sosial menerusi novel-novel Melayu terpilih dari tahun 1960-an hingga 1990-an yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang wanita iaitu Khadijah Hashim, Zaharah Nawawi dan Rosmini Shaari. Bertitik tolak daripada permasalahan kajian, dan memetik kenyataan Che Asmah Yaacob yang menyatakan bahawa menerusi novel, konsep emansipasi dapat dilihat dari aspek yang lebih luas. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan Islam dalam mengekalkan hak dan kedudukan wanita dalam masyarakat. Justeru, untuk merungkai aspek emansipasi wanita dalam sosial, adalah wajar satu kajian dilakukan menerusi novel-novel Melayu pilihan. Kajian ini merangkumi aspek emansipasi wanita iaitu perjuangan wanita dalam sosial. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis emansipasi wanita dalam sosial melalui novel-novel Melayu. Kajian ini turut mengaplikasi teori feminisme saranan Cheri Register. Data kajian diperoleh menerusi empat buah novel merangkumi tahun 1960-an hingga 1990-an iaitu *Badai Semalam* (1968) karya Khadijah Hashim, *Sebelum Penghujongnya Musim* (1972) karya Zaharah Nawawi, *Di tengah Kabus* (1980) karya Khadijah Hashim dan *Jaringan* (1990) karya Rosmini Shaari.

Kata Kunci: Emansipasi, Wanita, Sosial, novel

WOMAN EMANCIPATION IN NOVELS MALAY
1960's -1990's

Abstract

*The study carried out to see women emancipation in social through novels Malay from year 1960's to 1990's is produced by authoress namely Khadijah Hashim, Zaharah Nawawi and Rosmini Shaari. Starting point from problem statement, according to Che Asmah Yaacob's statement, through novels, emancipation concept visible from wider aspect. This study will applied Islamic method to show the retention of women's right in the society. This study also including the women's emancipation aspect such as women's struggle in social. Objective of the study is to identify and analyses women's emancipation in social through Malay's novel. This study also applied the theory of feminisme by Cheri Register. The research data is referred to the novel's entitled of *Badai Semalam* (1968) by Khadijah Hashim, *Sebelum Penghujongnya Musim* (1972) by Zaharah Nawawi, *Di tengah Kabus* (1980) by Khadijah Hashim and *Jaringan* (1990) by Rosmini Shaari.*

Keywords: *Emancipation, Woman, Social, novel*

PENGENALAN

Isu-isu wanita dan emansipasi wanita sering dibicarakan sejak tahun 1920-an lagi oleh pengarang-pengarang novel Melayu dalam penghasilan karya kreatifnya. Mereka memaparkan persoalan-persoalan mengenai wanita seperti pengorbanan, ketabahan, kegembiraan, penderitaan, penindasan dan pelbagai lagi rangkaian kisah yang berkaitan dengan dunia wanita. Senario ini dapat membuka minda golongan wanita untuk bangkit mempertahankan hak dan kehidupan yang lebih baik. Maka sekali gus mereka dapat mengangkat martabat kaum wanita di mata masyarakat. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Azizah Kassim (1985:121) yang menyatakan bahawa perjuangan wanita di Malaysia dalam mencari persamaan hak dengan lelaki merupakan perjuangan yang amat sederhana jika dibandingkan dengan apa yang terjadi di Eropah dan Amerika Syarikat. Sesuai dengan sifat kewanitaan timur, wanita di sini menuntut persamaan hak dengan cara halus, dengan rundingan dan budi bicara, tidak dengan demonstrasi dan keganasan.

Siti Khairiah Mohd Zubir (2012:101) memetik pendapat yang dikemukakan oleh Harun Din (1988) iaitu emansipasi merangkumi kebebasan untuk bercakap, berfikir, bersuara dan lain-lain lagi. Hal ini kerana pemikiran masyarakat di Tanah Melayu selepas perang dunia pertama telah banyak mengalami perubahan dan anjakan paradigma. Golongan wanita yang dahulunya dianggap lemah dan tidak memberi sumbangan yang besar dalam isu politik, ekonomi, dan sosial telah bangkit bersuara dalam menuntut kesamarataan hak dan pembebasan daripada perhambaan. Menurut A.H.B prentice D.J (1999) dalam Siti Khairiah Mohd Zubir (2012:101) menyatakan bahawa emansipasi wanita membawa maksud pembebasan wanita daripada prasingka, kongkongan dan lain-lain.

Manakala Ahmad Kamal Abdullah dan Siti Aishah Murad (2000:X) pula berpendapat bahawa pembicaraan tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu moden ini akan lebih menarik dengan mengimbuai kedudukan wanita dalam masyarakat tradisional. Wanita dalam masyarakat tradisional merupakan golongan tertutup. Pendapat dan keputusan mereka kurang diberi pertimbangan oleh golongan laki-laki. Maka wajarlah kritikan terhadap kedudukan wanita Melayu diluahkan oleh pengarang melalui penulisan tempatan dalam karya-karya sastera seperti seperti novel *Hikayat Faridah Hanum* (1926) karya Syed Syekh Al-Hadi yang mengangkat emansipasi wanita melalui watak Faridah Hanum. Faridah Hanum merupakan seorang perempuan berpendidikan. Novel ini sekali gus mengkritik status wanita Melayu dalam kalangan masyarakat.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat pelbagai kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh para sarjana mengenai feminisme. Kajian-kajian tersebut berfokus kepada pelbagai isu dan dirungkai menerusi pelbagai teori dan kaedah kajian. Contohnya, terdapat kajian terdahulu mengenai citra wanita dalam novel-novel Melayu daripada perspektif pengarang wanita, tanggapan terhadap wanita dalam kajian oleh Hamzah dan Keris Mas, feminisme Melayu dalam Bangsawan Siti Zubaidah, wanita dalam novel A.Samad Said dan pelbagai bentuk kajian yang lain. Kebanyakan kajian melihat sejauh mana peranan wanita sama ada yang digarap oleh para penulis lelaki atau wanita. Seterusnya, memperlihatkan sama ada penulisan tersebut dapat memberi kesan kepada para pembaca. kajian-kajian tersebut berfokus kepada pelbagai isu yang berkaitan dengan dunia kewanitaan yang dirungkai menerusi pelbagai teori dan kaedah kajian.

Nor Azlia Mat Jaafar dalam tesis sarjana (2009) yang bertajuk "*Haruman Kencana dan Hujan Sudah Teduh* Karya Zaharah Nawawi: Penerapan Teori Feminisme" di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kajian ini bertitik tolak daripada permasalahan bahawa kurangnya kajian kritis tentang aspek wanita dalam karya Zaharah Nawawi. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, kajian Nor Azlia di sasarkan untuk menganalisis kedudukan dan martabat wanita dalam novel-novel Zaharah Nawawi berdasarkan penerapan lima prinsip teori feminisme saranan Cheri Register. Pertama, teks sastera menjadi forum atau medan bagi membicarakan soal wanita, Kedua, wanita sebagai contoh atau model dalam teks sastera. ketiga, teks sastera mewujudkan semangat persaudaraan antara kaum wanita. Keempat, teks sastera berupaya menimbulkan kesedaran ke arah pembangunan sendiri wanita. Dan kelima, teks sastera berupaya mewujudkan kefahaman yang bersesuaian dengan latar budaya masyarakat. Hasil penelitian, kajian ini sarat dengan pemikiran feminisme yang kental melalui penokohan watak wanita dan pemusatan seluruh ceritanya kepada

perjalanan hidup protagonis wanita. Pengarang mengupas isu-isu kebebasan yang dituntut oleh golongan wanita meliputi kebebasan untuk menentukan jalan hidup sendiri dalam kerjaya, kebebasan dalam menuntut ilmu, kebebasan dari sudut fizikal dan minda terutamanya penganiayaan dan pandangan negatif masyarakat.

Seterusnya meneliti kajian Siti Khairiah Mohd Zubir dalam tesis Ijazah Kedoktoran (2004) yang bertajuk "*Citra Wanita dalam novel-novel Melayu daripada Perspektif Pengarang Wanita*" di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Kajian ini bertitik tolak daripada permasalahan bahawa perlunya satu kajian yang komprehensif tentang wanita dalam novel Melayu kerana kajian-kajian ilmiah yang sedia ada kurang memberikan tumpuan terhadap mesej yang ingin disampaikan oleh para penulis wanita dalam karya-karya mereka. Kajian ini menerap satu kerangka analisis yang bersifat eklektik iaitu menggabungkan prinsip-prinsip dalam teori feminisme saranan Elaine Showalter, teori psikologi, teori sosiologi dan teori moral. Kajian memperlihatkan citra wanita dalam novel-novel yang dipilih dari aspek sosiobudaya, sosiopolitik dan sosioekonomi. Hasil penelitian, kajian ini memperlihatkan citra wanita berwawasan tinggi, citra wanita berkarisma, citra wanita gigih dan citra wanita yang berani menuntut hak kebebasan. Dengan kata lain, kajian ini cenderung memperakukan kesesuaian teori feminisme dalam pengkajian sastera.

PERMASALAH KAJIAN

Isu pembebasan wanita dan persamaan hak merupakan suatu isu yang menjadi perdebatan hebat dalam kalangan wanita moden pada masa kini khususnya dalam bidang penulisan. Sejak sekian lama, wanita sering dijadikan watak utama dalam penulisan novel oleh pengarang. Isu emansipasi wanita ini bukan suatu yang baharu dalam kajian novel. Isu ini telah pun diketengahkan dan dibahagikan lebih awal sekitar tahun 1920-an seperti yang terdapat dalam novel *Hikayat Faridah Hanum* (1926) karya Syed Syeikh Al-Hadi. Penulisan Syed Syeikh Al-Hadi telah berupaya mengangkat emansipasi wanita, mencetuskan kesedaran masyarakat tentang hak dan kebebasan wanita menerusi watak Faridah Hanum. Menurut Norhayati Abd Rahman (2012:52, menjelang tahun 1960-an, kebanyakan karya sastera wanita mula memperlihatkan kebangkitan menentang mod-mod kekuasaan dalam karya lelaki. Hal ini demikian kerana pengarang wanita semakin menyerlahkan sifat kreatif dan inovatif dengan melakukan pelanggaran atau penyimpangan terhadap ciri-ciri konvensi penulisan novel.

Walau bagaimanapun, persoalan emansipasi wanita ini masih perlu untuk dikaji berdasarkan kepada beberapa pandangan dan lompong kosong menerusi kajian terdahulu yang di lakukan sebelum ini. Antaranya, Sohaimi Abdul Aziz dalam *Utusan Malaysia* (03 September 2003) telah membincangkan tentang usaha Ahmad Rashid Talu sebagai pelopor pembebasan wanita. yang diperlihatkan menerusi buku beliau bertajuk *Sasterawan Mendahului Zaman*. Penulisan tersebut banyak memperlihatkan tentang isu emansipasi wanita, kelemahan-kelemahan masyarakat Melayu, kebaikan pendidikan Inggeris dan sikap golongan tua yang menghalang tuntutan kemajuan. Hal ini memperlihatkan bahawa beliau begitu prihatin dengan nasib masyarakat Melayu atau pribumi dengan mengimbau akan perubahan minda mereka. Manakala Siti Khairiah Zubir (2012:99) pula membicarakan tentang pendapat Umar Junus (1998) yang menyatakan emansipasi kepada tiga konsep yang berbeza. Pertama, fenomena yang berhubung dengan persoalan cinta dan seks. Kedua, fenomena yang berkaitan dengan gerak emansipasi wanita atau modenisasi dalam hubungan ikatan kekeluargaan. Ketiga emansipasi dalam hubungan memodenkan wanita berdiri sendiri, sama dengan lelaki.

Selain itu, terdapat beberapa tanggapan yang berbeza mengenai konsep emansipasi wanita. Antaranya, Membunga @ Siti Mariam Yaacob (2010:53) lebih banyak memperlihatkan konsep emansipasi dari sudut golongan wanita yang dapat membentuk organisasi di peringkat nasional. Contohnya, menuntut pembebasan dan hak dalam pendidikan, kebajikan, pemberian upah, hak mengundi dan kebebasan dalam mencorakkan masa depan sendiri. Tuntutan ini di lakukan kerana wanita menyedari bahawa mereka telah dipinggir serta dibelenggu dalam aspek ekonomi, sosial dan politik.

Manakala Che Asmah dalam *Utusan Malaysia* (28 Ogos 2014) menegaskan bahawa asas perjuangan kaum wanita masa kini seharusnya dilaksanakan bukan secara membuta tuli ke arah memperjuangkan konsep feminis secara radikal. Penegasan pertama perlu menerusi pengiktirafan kepentingan peranan wanita dalam pembangunan diri, keluarga dan masyarakat di mana peranan

tersebut adalah saling melengkapi dalam usaha mewujudkan umat pertengahan. Di samping itu, pengiktirafan wajar diberikan terhadap prinsip kesamarataan dan kesaksamaan menurut nilai-nilai Islam. Contohnya, mengambil kira fungsi biologian peranan setiap jantina dan kemampuan mereka dalam memberi khidmat terbaik kepada keluarga dan masyarakat. Yang terakhir ialah mengiktiraf dan menuntut agar lelaki dan wanita berperanan dalam memantapkan serta mengukuhkan institusi kekeluargaan. Pemerkasaan hak-hak wanita Islam itu perlu bermula pada diri wanita itu sendiri. Justeru, wanita Islam seharusnya mempunyai pengetahuan dan kefahaman asas yang sempurna. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Siti Khariah Mohd Zubir (2007:8) yang menyatakan bahawa Islam menekankan bahawa kaum perempuan (harus) di izinkan untuk mencapai tingkat kemajuan tertinggi dalam hal material, intelektual dan spiritual. Islam juga telah memperluaskan hak-hak perempuan dalam pelbagai bidang sosial, politik, ekonomi, pendidikan, keterampilan serta kesempatan bekerja. Untuk melindungi agar hak-hak itu tidak disalah gunakan oleh kaum lelaki, maka Islam perlu memberi perlindungan hukum yang kuat terhadap hak perempuan.

Kajian ini bertitik tolak daripada kenyataan Che Asmah Yaacob dalam *Utusan Malaysia* (28 Ogos 2014) yang menyatakan bahawa menerusi novel, konsep emansipasi dapat dilihat menerusi aspek yang lebih luas. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk membuktikan kebenaran kenyataan tersebut. Kajian ini akan mengaplikasi pendekatan Islam dalam mengekalkan hak dan kedudukan wanita dalam kalangan masyarakat. Justeru, kajian ini berupaya memperlihatkan aspek-aspek perjuangan wanita dalam sosial, perjuangan wanita dalam politik dan perjuangan wanita dalam ekonomi menerusi novel-novel Melayu.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini berasaskan kepada dua objektif. Pertama, untuk mengenal pasti emansipasi wanita dalam sosial menerusi novel-novel Melayu. Kedua, untuk menganalisis emansipasi wanita dalam sosial menerusi novel-novel Melayu berlandaskan teori kritikan feminisme Cheri Register (1989:2).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian mengenai novel-novel Melayu ini mengaplikasikan teknik kualitatif iaitu analisis kandungan dan mengguna pakai teori kritikan feminisme saranan Cheri Register (1989:2)) yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kajian terhadap imej wanita dalam karya sastera terutamanya yang dihasilkan oleh pengarang lelaki, kajian terhadap pengarang wanita dan kritikan perspektif yang mungkin dikembangkan menjadi satu set 'peraturan' melalui karya daripada perspektif feminis.. Selain itu, kajian ini turut memperlihatkan emansipasi wanita dalam sosial melalui paparan cerita yang ditonjolkan menerusi penulisan novel wanita menerusi novel-novel Melayu dari tahun 1960-an hingga tahun 1990-an.

KERANGKA TEORI KRITIKAN FEMINISME

Di Malaysia, telah banyak karya-karya sastera tempatan yang memenuhi beberapa ciri penting saranan Cheri Register (1989) tersebut. Namun tidak semestinya setiap karya yang terhasil itu memenuhi kelima-lima ciri yang digariskan. Apabila cerita dan gambaran sikap watak wanita ditonjolkan dapat memberi iktibar kepada pembaca, maka seharusnya karya itu dikategorikan sebagai karya feminis. Novel *Badai Semalam* (1968) karya Khadijah Hashim, *Sebelum Penghujongnya Musim* (1972) karya Zaharah Nawawi, *Di tengah Kabus* (1980) karya Khadijah Hashim dan *Jaringan* (1990) karya Rosmini Shaari boleh di kategori sebagai karya feminis sekitar tahun 1960-an hingga 1990-an. Hal ini demikian kerana watak-watak utama yang ditonjolkan oleh pengarang dapat dijadikan contoh kegigihan wanita dalam menghadapi masalah hidup.

Teori Kritikan Feminisme diasaskan oleh Cheri Register pada tahun 1979. Menerusi Teori Kritikan Feminisme, Cheri Register (1989:2) telah membahagi kepada tiga bahagian utama iaitu kajian terhadap imej wanita dalam karya sastera terutamanya yang dihasilkan oleh pengarang lelaki, kajian terhadap pengarang wanita dan kritikan perspektif yang mungkin dikembangkan menjadi satu set 'peraturan' melalui karya daripada perspektif feminis. Maka Cheri Register (1989) telah

menggariskan beberapa ciri penting yang harus ada dalam sesebuah novel bagi menepati ciri novel feminis. Antara ciri-ciri tersebut ialah:

- i) *Serve as a forum for women*
- ii) *Help to achieve cultural and androgyny*
- iii) *Provide role-models*
- iv) *Promote sisterhoods*
- v) *Augment consciousness-rising*

Pertama, Cheri Register (1989:19) menyatakan sesebuah karya sastera yang feminis dapat menjadikan forum bagi wanita dalam mendedahkan pengalaman dan nilai hidup wanita secara jujur tanpa mengikut garis panduan lelaki. Tujuan agar rentetan pengalaman yang dipaparkan dalam karya. Karya perlu menggambarkan wanita daripada pelbagai peringkat umur, kelas dan bangsa tanpa mengira agama. Kedua, Cheri Register (1989:20) menyatakan karya feminis juga mestilah dapat membantu dalam mewujudkan persefahaman tentang pengalaman lelaki dan wanita dengan cara menghormati, memahami pendirian dan pendapat yang sesuai dengan fitrah kejadian masing-masing. Persefahaman ini dapat melahirkan perasaan kemanusiaan yang lebih positif dalam menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan hidup. Ketiga, Cheri Register (1989:20) menyatakan pemilihan role-model atau watak karya feminis amat penting agar watak yang ditonjolkan dapat di teladani. Karya mestilah mampu memasukkan unsur-unsur positif terutamanya identiti wanita yang mempunyai ‘*self-actualizing*’, pandai berdikari tanpa bergantung sepenuhnya pada lelaki. Kegiatan watak itu juga tidak dikongkong dengan tradisi yang dikuasai oleh lelaki sahaja.

Seterusnya keempat, Cheri Register (1989:21) menyatakan penonjolan tentang semangat persaudaraan atau ‘sisterhood’ sesama wanita amat penting dalam karya feminis. Wanita perlu digambarkan bersikap saling bekerjasama, memupuk dan menjalin persaudaraan serta ada sikap saling memahami antara satu sama lain. Wanita sepatutnya berkongsi pengalaman dalam mewujudkan sikap saling memahami. Gambaran watak yang bergaduh atau berselisih faham sesama mereka tentang lelaki amat bercanggah dengan kehendak feminisme. Wanita sepatutnya berfikiran matang dan bersikap rasional dalam menangani sebarang masalah yang dihadapi.

Akhir sekali, Cheri Register (1989:22-23) menyatakan karya feminis juga sepatutnya dapat menimbulkan kesedaran dengan adanya paparan tentang perkembangan sendiri wanita dan persepsi diri terhadap cabaran-cabaran yang datang dari luar. Contohnya dengan memaparkan pengalaman wanita di diskriminasi di tempat kerja, penderaan wanita dalam rumah tangga dan pengalaman pahit wanita dalam kehidupan. Paparan ini dapat menimbulkan kesedaran dan pengetahuan kepada khalayak pembaca agar lebih memahami penderitaan dan masalah kaum wanita dan sekali gus bersimpati dengan nasib malang yang di alami. Maka begitulah beberapa ciri saranan Cheri Register yang harus ada dalam sesebuah karya bagi menepati ciri-ciri karya feminis.

BAHAN KAJIAN

Kajian ini fokus kepada 4 buah novel Melayu berdasarkan pemilihan tema dan plot penceritaan yang paling dominan memperdebatkan tentang isu perjuangan wanita dalam sosial. Pertama novel berjudul *Badai Semalam* (1968) karya Khadijah Hashim, mempunyai 222 muka surat dan 20 pembahagian setiap bab. Kedua novel *Sebelum Penghujongnya Musim Bunga* (1972) karya Zaharah Nawawi, mempunyai 88 muka surat dan 13 pembahagian setiap bab. Ketiga novel *Di tengah Kabus* (1980) karya Khadijah Hashim mempunyai 156 muka surat dan 15 pembahagian setiap bab. Akhir sekali, novel *Jaringan* (1990) karya Rosmini Shaari, mempunyai 382 muka surat dan 23 pembahagian setiap bab.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya menumpukan analisis mengenai empat buah novel yang berjudul *Badai Semalam* (1968) karya Khadijah Hashim, *Sebelum Penghujongnya Musim Bunga* (1972) karya Zaharah Nawawi, *Di tengah Kabus* (1980) karya Khadijah Hashim dan *Jaringan* (1990) karya Rosmini Shaari.

Justeru, kajian ini fokus kepada empat buah novel sekitar tahun 1960-an hingga 1990-an berdasarkan pemilihan tema dan plot penceritaan yang paling dominan memperdebatkan tentang dunia kewanitaan.

Kajian ini turut fokus kepada emansipasi wanita dalam sosial menerusi penonjolan watak wanita dalam novel-novel Melayu. Kajian ini telah menggariskan beberapa ciri penting yang harus ada dalam sesebuah novel bagi menepati ciri novel feminis menerusi Teori Kritikan Feminisme saranan Cheri Register. Antara ciri-ciri tersebut ialah *serve as a forum for women, help to achieve cultural and androgyny, provide role-model, promote sisterhoods* dan *augment consciousness-rising*. Dalam konteks ini, kajian dan analisis akan membincangkan perkara berikut:

1. Hak pendidikan
2. Hak kebebasan daripada prasangka
3. Hak kebebasan untuk bersuara
4. Penentangan sistem patriarki

DAPATAN ANALISIS

Menurut Faisal dalam Siti Fatimah Abdul Rahman (2000:155) hak sosial wanita merangkumi hak untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, hak untuk terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan dan hak mempertahankan agama dan negara. Selain itu, wanita Islam diberi hak-hak peribadi yang berkaitan dengan kekeluargaan seperti hak sebagai anak, isteri dan ibu. Sekiranya dalam membangunkan wanita hak-hak ini diberikan kepada mereka, maka bolehlah kita katakan bahawa pendekatan yang di ambil oleh Malaysia dalam membangunkan wanitanya ialah selari dengan Islam. Sebaliknya, jika wanita di nafikan hak-hak tersebut, maka bolehlah kita dikatakan pendekatan Malaysia ini tidak selari dengan Islam.

Dalam hal ini, wanita merupakan aset yang besar dalam pembangunan negara. Mereka memainkan peranan penting kepada perkembangan keluarga, masyarakat dan negara. Sikap masyarakat yang tidak mengiktirafkan pembabitan wanita dalam arus perdana pembangunan boleh merugikan negara. Seajar itu, kerajaan perlu memainkan peranannya dan mengambil beberapa langkah untuk memesatkan penglibatan wanita dalam masyarakat. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Zaleha Kamaruddin (1999:1) menyatakan satu langkah utama yang diambil oleh kerajaan ke arah ini ialah menubuhkan Dasar Wanita negara bagi menjamin perkongsian saksama dalam memperolehi kemudahan sumber, maklumat, peluang penyertaan dan manfaat pembangunan lelaki dan wanita. Sekali gus mengintegrasikan wanita dalam semua sektor pembangunan selaras dengan kemampuan dan kehendak wanita bagi mempertingkatkan mutu kehidupan, membasmi kemiskinan, menghapuskan kejahilan dan buta huruf, dan menegakkan negara makmur dan sentosa.

Hal ini berhubung kait rapat dengan pemilihan keempat-empat buah novel Melayu 1960-an hingga 1990-an sarat dengan wangian perjuangan feminisme menerusi penonjolan watak wanita yang mempunyai kekuatan sendiri sehingga berjaya membuka minda pembaca untuk berfikir, memahami serta menyedari hakikat yang berlaku di sekitar dunia wanita. Maka pengarang secara lantang mengupas isu-isu emansipasi wanita yang dituntut oleh golongan wanita meliputi kesamarataan hak wanita dalam masyarakat yang berlandaskan agama Islam. Kebebasan yang dituntut oleh golongan wanita meliputi ruang sosial untuk mendapat hak pendidikan, hak kebebasan daripada prasangka buruk, hak kebebasan untuk bersuara dan penentangan sistem patriarki terutamanya yang memberi kesan penganiayaan dan pandangan negatif masyarakat terhadap kaum wanita. Oleh hal demikian, emansipasi wanita dalam sosial yang diperjelaskan menerusi pengaplikasian Teori Kritikan Feminisme saranan Cheri Register (1989:2) berupaya memberi kesedaran dan pengetahuan kepada khalayak pembaca untuk memahami, menghayati dan bersimpati dengan nasib sebenar yang dihadapi oleh kaum wanita.

HAK PENDIDIKAN

Di Malaysia, dasar pendidikan mempunyai peranan yang amat penting dalam menentukan hala tuju sistem pendidikan negara yang mana dasar ini dikenali sebagai “Dasar Pendidikan Kebangsaan” yang dilaksanakan pada tahun 1957. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Robiah Sidin (1994:191) menyatakan pendidikan membentuk identiti negara, semangat megah dan cinta negara, merapatkan

jurang perasaan perkauman, menanamkan sikap ingin maju selaras dengan ideologi dan wawasan unggul negara. Pada Tahun 1970-an Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1994:234), kerajaan telah menetapkan bahawa pendidikan dan latihan perlu diberikan kepada semua kanak-kanak dan belia, tanpa kira gender, supaya lebih ramai lagi tenaga terlatih dikeluarkan terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Melalui pelaksanaan (DEB), secara tidak langsung telah mengubah pemikiran lapisan masyarakat terdahulu terhadap kepentingan pendidikan pada masa kini. Semua orang berhak menerima peluang pendidikan yang sama rata bermula dari pra sekolah, sekolah peringkat rendah, sekolah peringkat menengah dan ke peringkat pengajian tinggi.

Apabila memperkatakan tentang kaum wanita, soal pendidikan menjadi salah satu isu penting yang sering diperdebatkan. Pada zaman dahulu, wanita Melayu tidak digalakkan belajar di sekolah dengan pelbagai alasan. Kedudukan mereka bergantung kepada keadaan sosial masyarakat yang didiami mereka. Oleh itu, mereka tidak dapat menunjukkan kecemerlangan diri, walaupun mereka berkebolehan. Maka emansipasi wanita mula menular melalui pergerakan feminisme untuk menyuarakan rasa tidak puas hati mereka terhadap ketidaksamaan hak mereka. Bidang pendidikan telah banyak mengubah kaum wanita selari dengan dasar pendidikan negara. Pendidikan patut diberikan kepada semua rakyat Malaysia bermula dari peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan ke peringkat yang lebih tinggi secara sama rata tanpa mengira perbezaan jantina, latar belakang dan kelas ekonomi.

Hal ini turut diperlihatkan menerusi novel *Badai Semalam* (BS) karya Khadijah Hashim (1968) Mazni digambarkan sebagai watak wanita yang gigih dalam menuntut ilmu. Pengarang menentang kepentingan isu pendidikan dalam karyanya selari fenomena isu masyarakat pada ketika itu. Pada era 1960-an, anak-anak perempuan dikatakan tidak mendapat hak kebebasan untuk menuntut ilmu dan mereka tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi. Mazni hanyalah anak orang gaji kepada Encik Haris. Di sekolah, Mazni seorang pelajar yang pintar. Beliau mempunyai cita-cita tinggi dan berusaha untuk mencapainya. Pelbagai cabaran terpaksa ditempuhi, namun beliau tidak pernah putus asa dalam mengejar cita-citanya. Malah beliau juga bertekad hanya pelajaran sahajalah yang mampu memberi masa depan kepadanya untuk berjaya. Ia sebagaimana petikan berikut:

“Aku tidak putus harap. Aku tak akan mengaku kalah dalam perjuangan mengejar cita-cita aku, Zaki. Malah segala penderitaan hidup yang ku tempuhi menambahkan pengalaman aku dalam menghadapi masa depan aku! Dan setidak-tidaknya aku belajar berdiri di atas kaki aku sendiri, tidak mengharap, menyembah bantuan orang lain. Aku percaya pelajaran aku tidak mengganggu dengan kerja aku sekarang ini, walaupun masa untuk menelaah agak terbatas. Tapi aku kira, aku akan berjaya kerana banyak tokoh-tokoh bangsa yang terkemuka di dunia juga belajar sambil bekerja. Aku kira, aku pun boleh berbuat begitu!” Azam kerani bank ini tanpa ragu-ragu lagi. Penuh yakin.

(2011:85)

Petikan di atas jelas membuktikan bahawa Mazni seorang wanita yang sentiasa gigih berusaha meneruskan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi. Mazni juga telah memotivasikan dirinya agar kesusahan hidup bukanlah satu alasan untuk beliau menamatkan pelajarannya. Mazni sedar bahawa pendidikan sahaja yang mampu mengubah kehidupannya menjadi lebih baik. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Mohamad Mokhtar Hassan (2004:81) menyatakan wanita harus berani meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi bagi mengakis warisan kemiskinan. Menurut saranan prinsip Cheri Register (1989:20) iaitu paparan model atau contoh yang dapat diteladani amat penting dalam sesebuah karya feminis. Watak wanita seharusnya dapat diteladani dengan memasukkan unsur positif terutamanya identiti kewanitaan yang menggambarkan wanita mempunyai *'self-actualizing'* tanpa bergantung sepenuhnya pada lelaki. Justeru itu, pengarang telah mengangkat watak Mazni sebagai perjuangan feminisme dalam kepentingan pendidikan, sekali gus mengajak masyarakat untuk berubah ke tahap yang lebih tinggi.

Manakala kepentingan pendidikan dapat dilihat dalam novel *Sebelum Berhujungnya Musim Bunga* (SBMB) merupakan karya novel pertama Zaharah Nawawi (1972) menceburi diri dalam lapangan

sastera. Pengarang menerapkan ketabahan wanita dalam memaparkan watak Sheirin sebagai anak orang susah yang mampu belajar ke peringkat lebih tinggi di Tokyo, Jepun. Hasil usaha gigih Sheirin selama dalam dunia pendidikan dan pekerjaan, akhirnya dapat dilihat apabila beliau berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara iaitu ke negara Jepun setelah lulus STP Walaupun berasal dari kampung, namun Sheirin mampu membuktikan bahawa anak kampung juga mampu berjaya ke luar negara. Sheirin juga telah mendapat separuh pinjaman daripada MARA manakala separuh lagi adalah wang simpanannya sendiri. Sheirin terpaksa meninggalkan kampung dan ahli keluarganya demi melanjutkan pelajaran. Beliau sanggup berkorban perasaan, wang ringgit dan tenaganya demi melanjutkan pelajaran ke luar negara. Menurut pendapat Nik Safiah Karim (1990:54-55) menyatakan wanita berilmu akan membuat pertimbangan sebelum mengambil sesuatu tindakan, akan sentiasa menilai keadaan diri dan keluarganya dan berusaha untuk memperbaiki yang kurang baik, tidak akan puas hati dengan keadaan statik tetapi akan sentiasa berusaha untuk mencapai taraf yang lebih tinggi. Ia sebagaimana yang dilihat dalam petikan berikut:

Kini, setelah lulus S.T.P. Sheirin mendapat pinjaman MARA untuk melanjutkan pelajaran keluar negeri. Pinjaman tersebut hanya separoh. Perbelanjaan yang separoh lagi adalah perbelanjaannya sendiri. Ia menggunakan semua wang simpanan yang ada, bagi menchapai chita-chita tinggi yang tidak diketahuinya apakah akhirnya! Ia akan meninggalkan kampung halaman dan ibu bapa serta adek-adeknya, esok...

(1972:9)

Petikan tersebut memperlihatkan kejayaan Sheirin melalui peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan telah menjadi batu lompatan untuk beliau mengorak langkah ke peringkat lebih tinggi dalam dunia pendidikan. Secara tidak langsung, novel *SPMB* memperlihatkan bahawa Zaharah Nawawi cuba menaikkan status kaum wanita di Malaysia, terutama sekali dalam bidang pendidikan yang penuh mencabar. Masyarakat yang mundur akan lebih maju jika menjadikan pendidikan sebagai teras untuk berubah. Sekali gus pengarang dapat memberi kesedaran kepada pembaca tentang ketabahan wanita dalam mencari ilmu. Kenyataan tersebut selari dengan saranan prinsip Cheri Register (1989:20) iaitu paparan model atau contoh yang dapat diteladani amat penting dalam sesebuah karya feminis. Watak wanita seharusnya dapat diteladani dengan memasukkan unsur positif terutamanya identiti kewanitaan yang menggambarkan wanita mempunyai '*self-actualizing*' tanpa bergantung sepenuhnya pada lelaki. Maka watak Sheirin boleh dianggap sebagai model atau contoh yang dapat diteladani oleh khalayak pembaca kerana karya ini telah menyalurkan mesej tentang kepentingan pendidikan yang mampu mengubah taraf kehidupan seseorang ke arah cemerlang.

Akhir sekali menerusi novel *Jaringan* karya Rosmini Shahari, pengarang memperlihatkan tentang kepentingan pendidikan yang mampu melukiskan kehebatan seseorang di persada dunia. Hal dapat digambarkan menerusi watak Dahlia ingin menjadi ahli psikiatri yang handal suatu hari nanti. Dahlia melihat pelajaran sebagai titik tolak perubahan kehidupan modenisasi iaitu menjadi lebih maju dan berjaya. Dahlia mahu membuktikan bahawa dia seorang yang berpendirian teguh dan berani menghadapi cabaran. Berbekalkan semangat yang kuat, beliau menyambung pelajaran di Universiti Singapura. Di samping itu, penyakit yang dihidapi oleh ibunya telah mendorong diri Dahlia memilih ilmu psikologi. Dia bercita-cita untuk menyembuhkan penyakit ibunya sendiri yang sedang dirawat di Hospital Bahagia, Tampoi, Johor. Kenyataan tersebut sebagaimana petikan berikut:

Dahlia harus menunjukkan pada dunia bahawa dia gadis yang bukan senang hendak dipatahkan. Dia harus berpendirian teguh dan bersikap berani menghadapi apa saja rintangan di dunia ini. Keteguhan inilah yang dapat memberi kejayaan pada cita-citanya yang ingin menjadi seorang ahli psikiatri yang handal. Dahlia terkenang pada emaknya yang masih berada di Hospital Bahagia, Tampoi, Johor. Dia memilih Universiti Singapura ini pun kerana berdekatan dengan emaknya yang berada di seberang Tambak Johor, walaupun ini bererti dia terpaksa berjauhan dari datuk dan neneknya yang berada di Ipoh, Perak.

(1990:327)

Petikan tersebut memperlihatkan di sebalik kejayaan Dahlia untuk menjadi insan berjaya adalah suntikan dari semangat ibunya yang telah mendorong beliau untuk mendalami ilmu Psikologi dengan

lebih mendalam lagi. Menurut pendapat Nik Safiah Karim (1990:40), pendidikan yang berkesan berasakan kualiti perhubungan yang sesuai. Maka secara tidak langsung, pengarang telah menonjolkan semangat persaudaraan sesama wanita antara dua watak iaitu Dahlia dan ibunya. Hal ini selari dengan saranan prinsip Cheri Register (1989:21) yang menegaskan bahawa penonjolan semangat persaudaraan sesama wanita atau 'sisterhood' amat penting dalam sesebuah karya feminis. Wanita perlu digambarkan bersikap saling bekerjasama, memupuk dan menjalinkan persaudaraan serta mempunyai sikap saling memahami.

HAK KEBEBASAN DARIPADA PRASANGKA BURUK

Prasangka merupakan sikap sosial iaitu kecenderungan yang bersifat perasaan dan pandangan untuk respon positif dan negatif terhadap orang, objek atau situasi. Prasangka berlaku berteraskan penilaian emosional individu terhadap sikap suka, tidak suka, senang, sedih, cinta dan benci. Dewasa kini, masih terdapat norma-norma masyarakat yang sering mempunyai moral negatif dan prasangka buruk terhadap wanita. Hal ini akan membuat kaum wanita berada dalam keadaan terkongkong dan menyukarkan mereka untuk turut serta dalam pembangunan negara. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Siti Fatimah Abdul Rahman (2000:188) yang menyatakan bahawa nilai masyarakat yang memandang serong kepada wanita juga perlu diubah. Sekiranya ingin menetapkan sesuatu standard terhadap wanita, biarlah standard yang sama itu diletakkan juga kepada lelaki. Kedua-dua kaum ini, sama-sama memiliki tanggungjawab dan peranan tertentu kepada agama, diri, keluarga dan masyarakat. Oleh itu, apabila berlaku sesuatu yang tidak baik, jangan hanya menuding jari kepada wanita kerana kaum lelaki juga ada peranan mereka dalam menghasilkan apa yang berlaku.

Contohnya, novel *Di tengah Kabus (DTK)* karya Khadijah Hashim (1980) memperlihatkan watak Aion yang hanya menganggap hubungannya dengan Johan hanya sekadar kawan biasa sahaja. Johan dianggap lelaki miang kerana tidak berputus asa melafazkan kata-kata cinta kepada Aion walaupun berulang kali ditolak cintanya itu. Menerusi peristiwa tersebut, Aion wajar dianggap sebagai seorang wanita yang bermoral dan tidak bersalah kerana menolak cinta Johan yang telah memiliki anak-anak dan isteri. Namun demikian, anggapan negatif masyarakat tetap menyebelahi kaum wanita yang dianggap sebagai perosak rumah tangga. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Mohd. Sofwan Amrullah (1993:9) yang menyatakan bahawa masyarakat biasanya menyalahkan perempuan dan jarang sekali menyalahkan kaum lelaki. Mereka kata, mengapa si perempuan tidak mahu bersabar sedikit kalau pun akhlak suaminya kurang baik.

Menerusi novel *DTK*, Aion yang tetap menolak lamaran cinta Johan telah terpaksa menggunakan pelbagai helah agar Johan mempunyai rasa serba salah dengan niatnya untuk menjadikan Aion sebagai suri hatinya. Aion telah mengingatkan Johan akan tanggungjawabnya terhadap isteri dan anak-anaknya. Peristiwa tersebut diperlihatkan sebagaimana petikan di bawah:

Johan terus menghisap rokok. Ucapan itu sudah berkali-kali didengarnya. Dia tidak tahu lagi dengan cara mana untuk meyakinkan Aion bahawa hubungan itu sesungguhnya tidak menjejaskan kebahagiaan rumahtangganya. Dia tidak melalaikan tugas sebagai seorang suami. Dia tidak lupa akan tanggungjawab sebagai ayah kepada anak-anaknya. Makan dan pakai cukup tersedia. Rumahnya besar lengkap dengan perabot mahal dan orang gaji, malah segala kemewahan sudah di pangkuan anak-isteri, fikir Johan. Dia sayang pada isteri dan anak-anaknya. Tetapi dia juga sayang pada Aion, jururawat manis yang baik budi.

(1987:37)

Petikan tersebut telah membuktikan dan merungkai kebenaran di sebalik tuduhan yang bersifat penghinaan oleh masyarakat. Wajarkah gadis atau wanita bujang digelar sebagai perampas dan dihukum tanpa usul periksa?. Justeru, pengarang mengajak pembaca khususnya wanita agar sentiasa membela nasib kaum wanita dengan memperjuangkan hak mereka daripada terus ditindas dan dipandang negatif sewenang-wenangnya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sifat berprasangka buruk perlu dipupuskan dalam kalangan masyarakat kerana ia akan mewujudkan pelbagai kesan negatif untuk memporak-perandakan kelompok masyarakat yang sedia ada. Hal ini

amat bercanggah dengan aspirasi feminis yang tidak mahu wanita bermusuhan antara satu sama lain. Menerusi novel *DTK*, pengarangnya berjaya menyisipkan mesej kesedaran kepada pembaca melalui kisah yang dipaparkan. Kenyataan tersebut sebagaimana saranan prinsip Cheri Register (1989:21) yang menyatakan bahawa wanita perlu bekerjasama dalam memupuk dan menjalankan persaudaraan serta mengamalkan sikap saling membantu untuk meningkatkan kemandiri kaum sejenisnya. Wanita sepatutnya berkongsi pengalaman untuk mewujudkan sikap saling memahami antara sesama mereka. Gambaran sikap wanita yang suka bergaduh dan bercakaran dalam hal-hal berkaitan lelaki perlu dipinggirkan kerana bertentangan dengan kehendak feminisme. Wanita sepatutnya bersikap rasional dan berfikiran matang dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.

HAK KEBEBASAN UNTUK BERSUARA

Dalam era globalisasi, isu mengenai hak wanita turut diperdebatkan secara meluas di seluruh dunia agar kesaksamaan hak kaum wanita dapat diangkat sama pentingnya dengan hak asasi manusia. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Siti Hajar Che Man (2004:44) yang menyatakan bahawa wanita sebagai manusia mempunyai hak kemanusiaan dalam masyarakat iaitu wanita perlu bersuara tentang isu-isu semasa, wanita perlu kepada kemudahan yang disediakan kepada masyarakat. Justeru itu, kebajikan kaum wanita perlulah dijaga dengan teliti dalam undang-undang, pendidikan, dan pengupayaan ekonomi bagi memastikan hak mereka terpelihara. Maka wanita harus berani bersuara dalam mempertahankan saksama hak mereka dan memperjuangkan cita-cita murni untuk membina generasi cemerlang yang rabbani.

Menerusi novel *Sebelum Penghujungnya Musim Bunga (SPMB)* karya Zaharah Nawawi (1972), penindasan kaum wanita menerusi watak Sheirin telah diperlihatkan sebagai hamba seks kaum lelaki. Pertembungan antara dua budaya yang berlainan merupakan cabaran terhadap Sheirin untuk mempertahankan maruah diri daripada diancam oleh manusia yang berhati binatang seperti Haruo. Lantas Sheirin berani bersuara kepada Haruo bahawa tujuan dan matlamat sebenar beliau menetap di Jepun hanya untuk belajar dan bukan menjadi hamba seks. Sikap Sheirin mempertahankan maruahnyanya daripada menjadi hamba seks Haruo sebagaimana menurut Abdul Rahim Abdul Rashid (2003:93) yang menyatakan bahawa wanita berhak mempertahankan diri daripada sebarang ancaman, gangguan, perbuatan keji dan amalan yang mengancam kewibawaan mereka. Sebarang bentuk pencabulan, gangguan maruah dan harga diri wanita adalah satu kesalahan yang boleh dikira sebagai satu bentuk gangguan seksual yang serius.

Penindasan kaum wanita yang diperlihatkan menerusi watak Sheirin sebagai hamba seks kaum lelaki dalam novel *SPMB* karya Zaharah Nawawi (1972) diperlihatkan menerusi petikan berikut:

“Benar. Saya juga sudah dewasa sekarang. Saya mempunyai rasa tanggung jawab terhadap keselamatan diri saya sendiri. Maksud saya datang kemari bukan untuk memuaskan nafsu”

“Kalau bukan itu, apa maksud awak?” potong Haruo chepat.

“Untuk belajar. Untuk menambah pengetahuan....” tegas Sheirin dengan berani.

(1972:41)

Kreativiti pengarang menggarap persoalan tersebut membawa khalayak pembaca memahami dan mendalami isu yang dialami dan dideritai oleh wanita seperti budaya seks bebas. Petikan tersebut memperlihatkan sikap ketegasan Sheirin terhadap perbuatan negatif bapa angkatnya yang pada akhirnya telah memberi kesan besar kepada Haruo untuk menghormati budaya masyarakat timur yang menolak seks bebas. Menerusi kaca mata Islam, seks bebas adalah bersalahan dan perlu dijauhi daripada melakukannya. Kaum lelaki juga perlu bertanggungjawab melindungi maruah wanita. Isu yang dibawakan oleh pengarang ini dapat memberi kesedaran kepada para pembaca khususnya golongan wanita agar berani bersuara untuk melindungi dan menjamin hak mereka. Menurut pendapat Cheri Register (1989:19), sesebuah karya feminis adalah karya yang mampu menjadi forum dalam memperkatakan hal wanita dengan sejujurnya dan memberi gambaran yang jelas terhadap pengalaman sebenar wanita.

Manakala menerusi novel *Jaringan (1990)* karya Rosmini Shahari, penulis turut memperlihatkan perjuangan kaum wanita untuk mendapatkan hak mereka apabila dimadukan oleh

kaum suami. Setelah merasakan diri mereka dikhianati, kaum wanita akan bangkit, memprotes dan memberanikan diri untuk menyuarakan rasa kecewa mereka terhadap suami. Persoalan tersebut turut diperlihatkan menerusi luahan hati watak Radin Adriani yang berduka cita apabila mendapat tahu keadaannya yang hidup bermadu. Radin Adriani seorang isteri yang amat mementingkan kesetiaan dan kejujuran. Berlandaskan kesetiaan terhadap suaminya, beliau rela meninggalkan tempat asalnya Jakarta, lalu menetap di Hong Kong demi mengikut suaminya. Contoh petikan:

“Mana boleh saya pejamkan mata, pekakkan telinga? Walaupun saya tinggal jauh terpencil di pulau ini, mata dan telinga saya di merata dunia, di sekeliling Arnon. Buat saya kesetiaan paling penting. Itu sebab saya rela tinggal di sini, saya rela tinggal seperti banduan di pulau terpencil, dahagakan kasih. Saya setia padanya. Tiap detik saya menunggunya, saya menunggu penuh setia. Tapi, kalau kesetiaan saya di cemar, di nodai, kalau kepercayaan saya dicabuli, saya kehausan kesabaran. Saya rela balik Jakarta, saya rela balik ke tempat asal saya di mana kebenaran tidak disaluti agar kelihatan lebih indah permai dari luar,” kata Puteri Radin Adriani.

(1990:47)

Petikan tersebut memperlihatkan fenomena budaya masyarakat berpoligami. Secara langsung, pengarang memberi pendedahan sebenar tentang nasib wanita yang telah dimadukan oleh suaminya tanpa keizinan. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Visanthi Ramachandaran (2011:160), salah satu punca keruntuhan institusi keluarga ialah penyalahgunaan kebenaran berpoligami disebabkan para suami yang tidak bertanggungjawab, yang tidak mendapat izin isteri sebelum berkahwin lagi dan yang mengabaikan keluarga pertama selepas berbuat demikian. Oleh hal yang demikian, persoalan mengenai pembelaan terhadap kaum wanita perlu dilakukan khususnya menerusi karya-karya kreatif dan hal tersebut sebagaimana kenyataan Cheri Register (1989:20) yang menegaskan bahawa sebuah karya feminis adalah karya yang mampu menjadi forum dalam memperkatakan hal wanita dengan sejujurnya. Ia bertujuan agar dapat memberikan gambaran yang jelas terhadap nasib sebenar kaum wanita dalam dunia perkahwinan. Ini dapat membantu khalayak pembaca memahami dan mendalami apa yang dialami dan dirasai oleh wanita. Pendedahan ini pastinya membangkit kesedaran terhadap kaum wanita untuk berani bersuara dalam menuntut keadilan.

PENENTANGAN SISTEM PATRIARKI

Umumnya, budaya masyarakat Melayu terkenal dengan sistem patriarki yang telah di pengaruhi oleh ideologi adab dan agama. Sistem ini sekian lama telah di praktik dan menjadi amalan dominan bagi masyarakat Melayu hingga kini. Menurut Muhammad Su'ud Zhariff Zaharin (2011:11) menjelaskan bahawa *patriarchy order* muncul sebagai bentuk kepercayaan atau ideologi bahawa lelaki lebih tinggi kedudukannya dibandingkan perempuan dan perempuan harus dikuasai bahkan di anggap sebagai harta milik lelaki. Sistem patriarki meletakkan kedudukan lelaki adalah sebagai ketua keluarga dan diterima oleh semua masyarakat. Realitinya, kaum wanita telah diletakkan pada kedudukan dan taraf berbeza daripada kaum lelaki, di mana kebiasaannya wanita mengalami layanan yang tidak adil berbanding kaum lelaki. Pelbagai perspektif dan tafsiran diberikan kepada wanita, sama ada dalam mengiktiraf peranan mereka atau sebaliknya.

Lantas muncullah gerakan emansipasi wanita yang menghentikan diskriminasi tersebut melalui karya sastera dan menuntut hak mereka dalam sosial, politik dan ekonomi. Seajar itu, penulis-penulis wanita akan menentang imej patriarki dalam hasil karya yang sememangnya menjadi amalan tradisional masyarakat Melayu sejak dahulu kala lagi. Hal ini sebagaimana pendapat Siti Hajar Che Man (2011:39) yang menyatakan bahawa pemilihan tema dan persoalan mengajak pembaca berfikir dan ini menolak hipotesis yang sering dilaungkan oleh feminis Barat bahawa “*many women have written within the constraints of patriarchy*”. Lebih parah, kaum wanita dikatakan terpaksa akur dengan situasi “*they have aped the styles and followed the generic conventions of essentially male culture*”. Hakikatnya, amalan ini sebenarnya bukan ditentang tetapi sikap lelaki yang menganggap patriarki sebagai penguasaan sepenuh mereka ke atas wanita perlu diubah.

Menerusi novel *Badai Semalam (BS)* Khadijah Hashim (1968) telah memaparkan perbezaan kehidupan masyarakat yang mementingkan darjat dan keturunan. Hal ini dapat dilihat apabila Cik Rohana tidak mahu mengambil Mazni sebagai menantunya kerana Mazni merupakan seorang anak perempuan kepada bekas orang gajinya. Walaupun beliau mengetahui Mazni seorang wanita yang berbudi pekerti, bersopan santun serta menghormati orang tua, beliau tetap menolak hasrat Karim untuk memperisterikan Mazni. Nilai-nilai kemanusiaan Mazni diketepikan kerana wujudnya perbezaan darjat dan keturunan dalam masyarakat. Kenyataan tersebut diperlihatkan sebagaimana petikan berikut:

Budi pekertinya juga baik. Tutur katanya bersopan santun. Tapi hatinya tidak tergamak mencemarkan nama baik keluarganya yang ternama itu. Semua menantu-menantunya dari anak-anak orang yang berpengaruh, berharta, berpangkat. Masakan anak bongsunya beristerikan anak orang gajinya yang diam serumah.

(2011:138)

Petikan tersebut memperlihatkan prinsip golongan masyarakat yang masih mengamalkan darjat keturunan dalam kehidupan seharian. Pengarang cuba memaparkan pemikiran sempit masyarakat Melayu tentang ketidakadilan dan persepsi mengenai perbezaan antara dua darjat. Masyarakat yang mementingkan status sehingga mengabaikan perkara-perkara positif perlu berubah serta menghapuskan persepsi negatif mengenai hal-hal perbezaan antara dua darjat. . Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Mohd Sofwan Amrullah (1993:12) yang menyatakan bahawa kekayaan bukanlah dianggap faktor mutlak untuk meraih kehidupan yang bahagia, sekalipun dengan kekayaan orang boleh berbuat banyak, termasuk dengan jalan kotor dan sebagainya.

Menerusi novel *BS*, pengarangnya menyuguhkan harapannya agar pembaca dapat memahami segala penderitaan yang dialami oleh wanita akibat perbezaan darjat dan keturunan. Segala bentuk penindasan wanita dalam sistem patriarki menjadi iktibar kepada pembaca khususnya wanita untuk terus bangkit bersuara untuk menghapuskan sistem patriarki dalam kalangan masyarakat. Menurut saranan Cheri Register (1989:19), sebuah karya feminis adalah karya yang mampu menjadi forum dalam memperkatakan hal wanita dengan sejujurnya agar dapat memberikan gambaran yang jelas tentang penindasan kaum wanita terhadap perbezaan darjat dan keturunan. Hal ini dapat membantu khalayak pembaca memahami dan mendalami apa yang dialami dan dirasakan oleh wanita. Pendedahan ini pastinya dapat membangkit kesedaran terhadap wanita untuk terus menjadi insan yang berani dalam memperjuangkan hak saksama antara kaum wanita dan lelaki.

RUMUSAN

Kajian ini memperlihatkan empat buah novel Melayu tahun 1960-an hingga 1990-an yang sarat dengan isu perjuangan feminisme menerusi penokokan watak wanita dan pemusatan seluruh ceritanya kepada perjalanan hidup protagonis wanita. Malah novel-novel ini juga mempunyai kekuatan sendiri sehingga berjaya membuka minda pembaca untuk berfikir, memahami serta menyedari hakikat yang berlaku di sekitar dunia wanita. Keadaan ini telah membantu mewujudkan persefahaman tentang pengalaman lelaki dan wanita iaitu dengan cara menghormati dan memahami prinsip, pendirian dan pendapat yang sesuai dengan fitrah kejadian masing-masing.

Para pengarang empat novel yang dikaji memperlihatkan persoalan emansipasi wanita secara lantang berpandukan ajaran Islam. Kebebasan yang dituntut oleh golongan wanita meliputi ruang untuk menentukan jalan hidup sendiri dalam kerjaya, kebebasan dalam menuntut ilmu, kebebasan dari sudut fizikal dan minda terutama penganiayaan dan pandangan negatif masyarakat. Manakala emansipasi wanita dalam sosial yang diperjelaskan menerusi Teori Kritikan Feminisme saranan Cheri Register (1989:2) berupaya memberi kesedaran dan pengetahuan dalam memahami, menghayati dan bersimpati dengan nasib sebenar yang dihadapi oleh kaum wanita.

Keseluruhannya, penciptaan watak wanita dalam novel-novel ini membuktikan bahawa para pengarang novel-novel tersebut berjaya menengahkan ketokohan dan kejayaan kaum wanita dalam kehidupan. Antaranya kepentingan kerjaya dalam kalangan kaum wanita namun tanpa mengabaikan tugas dan peranan asas mereka sebagai seorang isteri, seorang anak kepada kedua orang tuanya. Watak

wanita yang digambarkan mempunyai semangat yang kuat, tabah, berdikari dan sentiasa gigih berusaha untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Justeru, jelas bahawa para pengarang novel-novel yang dikaji telah menyuntik semangat juang yang tinggi menerusi ciptaan watak wanita. Pelbagai dugaan dan halangan yang dihadapi oleh watak-watak wanita diperlihatkan sebagai asam garam yang mewarnai kehidupan. Namun demikian, kegigihan dan ketabahan wanita menerusi novel-novel pilihan dalam kajian ini akan membantu untuk menghakis imej yang biasa dilukiskan pada kaum wanita sebagai insan yang negatif, lemah, pesimis, tidak mampu hidup berdikari, menjadi mangsa golongan patriarki dan sebagainya.

Bibliografi

- Abd Rahim Abd Rashid. *Gangguan Seksual Pengurusan Tingkah Laku dan Perkembangan Gender dalam Organisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2003.
- Ahmad Kamal Abdullah Dan Siti Aishah Murad. *Citra Wanita Dalam Sastera Melayu 1930-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2000.ed
- Azizah Kasim. *Wanita Dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. 1985.
- Membunga @ Siti Mariam Yaacob (2010:53). *Wanita Dalam Karya Hamzah Hussin Dari Perspektif Kritikan Feminis*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2010.
- Josephine Donovan. *Feminist Literary Criticism: Explorations in Theory*. Lexington: The University Of Kentucky, 1989.
- Khadijah Hashim. *Di Tengah Kabus*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors. Sdn. Bhd. 1987.
- Khadijah Hashim. *Badai Semalam*. Selangor: 'K' Publishing Sdn. Bhd. 2000.
- Muhammad Su'ud Zhariff. *Islam, Patriarki Dan Transgender: Satu Analisa Filem Dalam Botol 2011*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2011.
- Mohd. Sofwan. *Fitnah Wanita Pandangan Yang Terus Terang Dan Bernas*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, 1993.
- Nik Safiah Karim. *Wanita Malaysia Harapan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributor Sdn. Bhd, 1990.
- Norhayati Ab. Rahman. *Puitika Sastera Wanita Indonesia dan Malaysia Satu Bacaan Ginokritik*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2012.
- Rosmini Shaari. *Jaringan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Robiah Sidin. *Pendidikan Di Malaysia: Cabaran Untuk Masa Depan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1994.
- Siti Fatimah Abdul Rahman. *Pemartabatan Wanita di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2000.
- Siti Khairiah Mohd Zubir. *Feminisme dalam Sastera Melayu*. Tanjung Malim: Emeritus Publications, 2012.
- Siti Khariah Mohd Zubir. *Perjuangan Perempuan Dalam Karya Pengarang Perempuan Malaysia Dan Indonesia Di Awal Abad Ke-21: Satu Kajian Bandingan*. Tanjung malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007.
- Umar Junus. *Karya Sebagai Sumber Makna: Pengantar Strukturalisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1988.
- Vasanthi Ramachandaran. *Shahrizat: Suara Wanita Malaysia*. Kuala Lumpur: Falcon Connections Sdn Bhd, 2011.
- Zaharah Nawawi. *Sebelum Penghujungnya Musim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982.
- Zaleha Kamaruddin. *Wanita Keadilan*. Kuala Lumpur: Anz Charisma, 1999.

TESIS

- Nor Azlia Mat Jaafar. *"Haruman Kencana dan Hujan Sudah Teduh Karya Zaharah Nawawi: Penerapan Teori Feminisme"*. Tesis Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2009.
- Siti Khairiah Mohd Zubir. *"Citra Wanita Dalam Novel-Novel Melayu Daripada Perspektif Pengarang Wanita"*. Tesis Ph.D, Serdang: Universiti Putera Malaysia, 2004.

MAJALAH

- Mohamad Mokhtar Hassan. "Jiwa Feminisme Fatimah Busu" dlm *Dewan Sastera*, Jun 2004.

Siti Hajar Che Man. "Kisah Kehidupan Menurut Perspektif Penulis Muda Wanita" Dlm *Dewan Sastera*, Oktober 2011.

Siti Hajar Che Man. "Ekspresi Pengalaman Wanita Sebagai Ciri Asas Dalam Pembentukan Citra Wanita" dlm *Dewan Sastera*, Januari 2004.

INTERNET

Tangani Isu Wanita. Akses Pada 31 Julai 2018.

http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20140828/ke_01/Tangani-isu-wanita

Pelopor Pembebasan Wanita. Akses pada 31 Julai 2018.

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0903&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_09.htm